

Penyampai : DATIN SERI JEANNE BINTI ABDULLAH
Tajuk : UCAPAN MAJLIS PELANCARAN E-KANDUNGAN & PORTAL ALUMNI OUM
Lokasi : AUDITORIUM, KAMPUS INDUK OUM, KUALA LUMPUR
Tarikh : 07-08-2008

BISMILLAH HIRRAHMA NIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAH HIWABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

YANG DIHORMATI PARA ALUMNI DAN PELAJAR O.U.M

YANG BERHORMAT DATUK IR. HAJI IDRIS HAJI HARON

TIMBALAN MENTERI PENGAJIAN TINGGI

YANG BERBAHAGIA PROFESOR TAN SRI ANUWAR ALI

PRESIDEN DAN NAIB CANSELOR OPEN UNIVERSITY MALAYSIA

DAN YANG BERBAHAGIA PUAN SRI EVELINE

AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH DAN KAKITANGAN UNIVERSITI

WAKIL-WAKIL MEDIA, SAUDARA SAUDARI SEKELIAN.

1. TERLEBIH DAHULU SYUKUR ALHAMDULILLAH KERANA DENGAN IZIN DAN LIMPAH KURNIA-NYA KITA DAPAT BERSAMA-SAMA DI MAJLIS PELANCARAN E-KANDUNGAN DAN PORTAL ALUMNI OPEN UNIVERSITY MALAYSIA.

2. SAYA BERBESAR HATI KERANA DAPAT BERSAMA-SAMA DENGAN PARA HADIRIN SEMUA KHASNYA WARGA O.U.M DI MAJLIS YANG DIADAKAN BERSEMPENA ULANG TAHUN KE-TUJUH PENUBUHANNYA.

3. TUJUH TAHUN YANG PERTAMA MERUPAKAN TEMPOH YANG PALING MENCABAR. WALAUPUN USIA O.U.M MASIH MUDA IA TELAH MAMPU MEMBERI PELUANG PENDIDIKAN TINGGI KEPADA PELBAGAI LAPISAN MASYARAKAT.

4. KAEDAH PEMBELAJARAN YANG FLEKSIBEL DAN TERBUKA MEMBOLEHKAN GOLONGAN YANG SEBELUM INI TIDAK BERPELUANG UNTUK BELAJAR KINI DAPAT MENERUSKAN CITA-CITA MEREKA.

5. INI SESUAI DENGAN ASPIRASI KERAJAAN YANG MEMBERIKAN PENEKANAN TERHADAP PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT.

6. MEREKA INI TERMASUKLAH GOLONGAN KURANG UPAYA WARGA EMAS DAN MEREKA YANG TIDAK MEMPUNYAI KELAYAKAN AKADEMIK MINIMUM TETAPI BERPENGALAMAN MENDAPAT PELUANG KEDUA UNTUK BELAJAR.

SAUDARA-SAUDARI,

7. USAHA YANG DIBUAT OLEH O.U.M DALAM MEMBERI PELUANG PENDIDIKAN KEPADA LEBIH RAMAI AHLI MASYARAKAT HARUS DICONTOKI OLEH SEMUA PIHAK.

8. DI SAMPING ITU GOLONGAN SEPERTI PENDIDIK SERTA JURURAWAT JUGA MENDAPAT MANFAAT DARI PROGRAM-PROGRAM KHUSUS YANG DITAWARKAN. INI SECARA TIDAK LANGSUNG TELAH DAN AKAN MENINGKATKAN KUALITI PERKHIDMATAN PERGURUAN SERTA JURURAWATAN DI SELURUH MALAYSIA.

9. IZINKAN SAYA MENERUSKAN UCAPAN SETERUSNYA DALAM BAHASA INGGERIS.

LADIES AND GENTLEMEN

10. A DYNAMIC INSTITUTION MUST ALWAYS MOVE WITH THE TIMES AND TODAY'S LAUNCHING OF O.U.M'S E-CONTENT PROJECT SIGNIFIES THEIR COMMITMENT TOWARDS QUALITY TEACHING AND LEARNING BY PROVIDING INTERACTIVE AND USER FRIENDLY LEARNING AIDS IN ADDITION TO PRINTED MODULES.

11. AS CHANCELLOR I AM HEARTENED BY THIS INITIATIVE AND BELIEVE THIS WILL ENHANCE STUDENT EXPERIENCES AS WELL AS MAKE LEARNING FUN AND ENGAGING AND I AM SURE O.U.M WILL CONTINUE TO IMPROVE ON THE QUALITY OF ITS SERVICES BENEFITTING STUDENTS AND SOCIETY AT LARGE.

12. I ALSO UNDERSTAND THAT THE UNIVERSITY NOW HAS A DEDICATED ALUMNI UNIT FOCUSING ON ALUMNI AFFAIRS.

13. I AM CONFIDENT THIS NETWORK OF NEARLY 9000 MEMBERS CAN CONTRIBUTE TO O.U.M'S MISSION TO PROVIDE PEOPLE FROM ALL WALKS OF LIFE ACCESS TO TOP EDUCATION.

14. THE ALUMNI CAN AND SHOULD PLAY A PROMINENT ROLE AS AN EXTENSION OF THE UNIVERSITY IN REACHING OUT TO THE COMMUNITY.

15. WORLDWIDE ALUMNI MEMBERS OFTEN RETURN TO THEIR ALMA MATTER TO CONTRIBUTE IN VARIOUS WAYS.

16. THE DEVELOPMENT OF THE ALUMNI PORTAL IS NEEDED TIMELY, AS IT ALLOWS MEMBERS TO OBTAIN OR SHARE INFORMATION, AND NETWORK IN AREAS OF COMMON INTEREST.

SAUDARA SAUDARI YANG DIHORMATI SEKALIAN,

17. IZINKAN SAYA BERKONGSI ASPIRASI SAYA UNTUK MELIHAT SEMUA LAPISAN MASYARAKAT BERBILANG KAUM DI MALAYSIA HIDUP DALAM AMAN, BAHAGIA DAN SEJAHTERA.

18. TIDAK DINAFIKAN PELBAGAI INISIATIF DAN USAHA TELAH DILAKSANAKAN OLEH AGENSI-AGENCI KERAJAAN SERTA N.G.O MEMBANTU GOLONGAN YANG MEMERLUKAN DARI SEGI KEBAJIKAN KESIHATAN PENDIDIKAN DAN EKONOMI NAMUN TIDAK SEMUA USAHA INI SAMPAI KEPADA GOLONGAN YANG DISASARKAN.

19. MESKIPUN LEBIH 50 TAHUN MERDEKA KITA MASIH MENDENGAR KISAH TENTANG KEMISKINAN TEGAR WARGA TUA YANG TERPINGGIR DAN TERBIAR DERITA IBU TUNGGAL MASALAH KESIHATAN KANAK-KANAK TIDAK CUKUP ZAT SERTA MASALAH SOSIAL DI KALANGAN REMAJA LUAR DAN DALAM BANDAR.

20. JUSTERU SETIAP SEORANG DARIPADA KITA BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MEMBUAT PERUBAHAN. SEBAGAI RAKYAT MALAYSIA KITA TERMASUKLAH DIRI SAYA SENDIRI MESTI MENGUBAH MINDA UNTUK MENINGKATKAN TARAF HIDUP DAN MEMBANTERAS KEMISKINAN DI KALANGAN MASYARAKAT.

SAUDARA-SAUDARI,

21. HASRAT SAYA IALAH UNTUK MELIHAT TERDIRINYA SEBUAH PROGRAM YANG DAPAT MENGEMBALIKAN SEMANGAT PERIHATIN DAN SUKARELAWAN DI KALANGAN MASYARAKAT MALAYSIA.

22. SAYA YAKIN DENGAN SOKONGAN SEMUA PIHAK SAMA ADA KERAJAAN SWASTA N.G.O KITA SEMUA MAMPU MEMBAWA PERUBAHAN DAN HIDUP DALAM KEADAAN AMAN BAHAGIA DAN SELAMAT.

23. LADIES AND GENTLEMEN I WOULD LIKE TO RECITE THE RUKUN NEGARA TO REMIND EACH AND EVERYONE OF US HERE TODAY THE ESSENCE OF ITS MEANING. IT WILL BE NICE IF YOU CAN ALL STAND AND JOIN ME ;

- KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
- KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
- KELUHURAN PERLEMBAGAAN
- KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
- KESOPANAN DAN KESUSILAN

SAUDARA-SAUDARI YANG DIHORMATI SEKALIAN,

24. AKHIR KATA SEKALI LAGI SAYA MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA O.U.M ATAS KEJAYAAN MENGUSAHAKAN E-KANDUNGAN DAN PORTAL ALUMNI DEMI KEPENTINGAN WARGA UNIVERSITI.

25. SAYA PERCAYA DENGAN ADANYA KEDUA-DUA KEMUDAHAN INI JARINGAN ANTARA PELAJAR AHLI-AHLI ALUMNI DENGAN STAF UNIVERSITI AKAN DIPERTINGKATKAN LAGI SECARA BERKESAN DAN BERTERUSAN.

26. DENGAN LAFAZ BISMILLAHHIRRAHMANIRRAHIM SAYA DENGAN SUKACITANYA MELANCARKAN E-KANDUNGAN DAN PORTAL ALUMNI OPEN UNIVERSITY MALAYSIA.

SEKIAN, WASSALAM MUALAIKUM WARAHMATULLAH HIWABARAKATUH DAN TERIMA KASIH.